Alamat / *Address* :
Jalan 10, Kg. Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas BC2315,
Negara Brunei Darussalam.

Fax : 2332976
Tel. : 2333041, 2333043, 2333053
2333054
http : //www.moe.gov.bn

جابتن ڤنديديقن کوکوريکولوم
**Jabatan Pendidikan Kokurikulum**
*Co-Curricular Education Department*
Kementerian Pendidikan
*Ministry of Education*
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami :
*Our Reference* KP/DCCE/KEW/31 PT.5 (07)

22 Syawal 1445
01 Mei 2024

Yang Mulia,
**Pengurus,**
**Syarikat-Syarikat Yang Berminat**,
Negara Brunei Darussalam

Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA**
**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

| | | |
|---|---|---|
| BILANGAN SEBUTHARGA | : | DCCE/UMS/ASG/KW/1(2) |
| TAJUK SEBUTHARGA | : | SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN SUKAN BAGI PERTANDINGAN ASEAN SCHOOLS GAMES KE-13 (ASG13) TAHUN 2024 |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH DIJEMPUT SEBUTHARGA | : | 01/05/2024 |
| TARIKH TUTUP SEBUTHARGA | : | 08/05/2024 |
| TIDAK LEWAT JAM | : | 2:00 PETANG |
| YURAN BAYARAN | | $5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN) |

1. Syarikat Tuan/Puan adalah dijemput untuk menghadapkan tawaran (Sebutharga) bagi perkara di atas.

2. Sebelum mengambil borang, setiap Syarikat hendaklah membayar yuran TAWARAN SEBUTHARGA sebanyak $ 5.00 (Lima Ringgit Sahaja), di **Kaunter 8, Lantai Bawah, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.** Sila pastikan **Resit Pembayaran Yuran Tawaran** yang diterima adalah betul.

3. Setiap borang TAWARAN yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Resit Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran.

/2..

4. Bagi Syarikat-Syarikat yang pernah menghadapkan sebutharga tersebut tidak perlu membayar yuran tawaran dan boleh terus memperolehi Dokumen/Borang Sebutharga.

5. Dokumen / Borang Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat di **Tingkat 1 Bahagian Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Jalan 10, Kg Perpindahan Lambak Kanan, Bc 2315, Negara Brunei Darussalam.**

6. Sebutharga (quotation) yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal kecuali **Bilangan Sebutharga dan Tajuk Sebutharga** (quotation). Sebutharga (quotation) hendaklah ditujukan kepada:

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA**
**PROGRAM 7- LAIN-LAIN PROGRAM DAN INSTITUSI PENDIDIKAN**
**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**JALAN 10, KG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC 2315**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

7. Untuk penjelasan lanjut Tuan/Puan bolehlah merujuk pemberitahuan dan syarat-syarat sebutharga seperti yang dilampirkan.

Sekian.

**'Pertahanan Holistik Menjaga Kedaulatan Negara'**

**[AWANG MOHAMMAD NORILHAM BIN HAJI JAIS ]**
Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga Program 7-
Lain-Lain Program dan Institusi Pendidikan
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Kementerian Pendidikan

Salinan:
Penolong Pengarah, JPKK
Unit Tunai, Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan

*PPK5/2024..*

Alamat/Address :
Jalan 10, Kg. Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas BC2315,
Negara Brunei Darussalam

Fax : 2332977
Tel.: 2333041, 2333043, 2333053
2333054 & 2333061

جابتن فنديديقن كوكوريكولوم
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Co-Curricular Education Department
Kementerian Pendidikan
Ministry of Education
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami :
Our Reference

P1

## PERATURAN MENGHADAPKAN SEBUTHARGA (QUOTATION)

1. Sebutharga mestilah menggunakan borang sebutharga yang telah disediakan. Borang sebutharga dan keterangan lanjut boleh diperolehi di ***Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Jalan 10, Kg Perpindahan Lambak Kanan, BC2315, Negara Brunei Darussalam.***

2. Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

3. Kadar bayaran dokumen bagi setiap sebutharga adalah sebanyak ***$5.00 (Ringgit: Lima Sahaja)*** dan tidak akan dikembalikan dan hendaklah dibayar di **Kaunter Unit Tunai, Tingkat 1, Block B, Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Lapangan Terbang Lama, Berakas**. Salinan resit bayaran dokumen hendaklah disertakan bersama borang sebutharga berkenaan.

4. Sebutharga yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menyatakan identiti pembekal. Sila nyatakan ***bilangan sebutharga, tajuk sebutharga dan tarikh tutup sebutharga pada bahagian atas kira sampul surat*** dan hendaklah ditujukan kepada:

   **PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA PROGRAM 7-**
   **LAIN-LAIN PROGRAM DAN INSTITUSI PENDIDIKAN**
   **JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM**
   **KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
   **JALAN 10, KG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN**
   **BERAKAS BC 2315**
   **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

   - Tidak lewat jam **2.00 petang pada tarikh tutup** sebutharga berkenaan**.**

5. Keterangan-keterangan berkenaan dengan jenis, jenama, material, sukatan, buatan dan sebagainya yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan jelas, jika tidak sebutharga berkenaan akan ditolak.

6. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dikira sebagai menarik diri.

7. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa semua urusan yang dikenakan cukai kastam mestilah dibayar oleh pembekal sendiri.

8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Certificate of Registration – Section 16 & Section 17) hendaklah disertakan bersama.

9. Setiap mukasurat sebutharga hendaklah dibubuh chop syarikat disudut bawah sebelah kanan.

10. Mana-mana perubahan harga pada borang sebutharga (quotation) tidak boleh menggunakan 'blanco' atau 'correction ink' dan sebagainya. Pengubahan mestilah dibuat dengan cara memotong harga yang hendak dibetulkan dan ditulis semula harga yang betul dengan membubuh 'initial' dan chop syarikat pada setiap perubahan yang telah dibuat.

11. Setiap pemborong/pembekal/syarikat yang telah dikeluarkan INDENT/PURCHASE ORDER hendaklah bersedia untuk membekalkan alatan/barangan yang dikehendaki sebagaimana yang telah dinyatakan didalam sebutharga (quotation). Pihak pemborong/pembekal/syarikat berkenaan yang berhasrat untuk menarik diri dalam saat-saat akhir dari membekalkan alatan/barangan yang dikehendaki tidak akan dilayan dan pihak pemborong/pembekal/syarikat yang gagal dalam membekalkan alatan/barangan yang dikehendaki sebagaimana yang dinyatakan didalam INDENT/PURCHASE ORDER setelah tamat tempoh pembekalan (Due Date) seperti dalam INDENT/PURCHASE ORDER adalah ditegah dan akan disenaraihitamkan mengikut kadar jumlah yang disokong.

12. Pembekal/syarikat yang berjaya hendaklah mematuhi setiap peraturan, perjanjian yang telah dipersetujui dan apa-apa jua maklumat yang terkandung didalam borang sebutharga yang telah diisikan.

∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞∞

***Urusetia Jawatankuasa Sebutharga JPKK***
***Bahagian Kewangan, Unit Pentadbiran***
***Jabatan Pendidikan Kokurikulum***
***Kementerian Pendidikan***

[Disclaimer: The below text is machine translated. For accurate information kindly refer the above text in original language.]

Closing Date: 08-May-2024

SUPPLY AND DELIVERY OF SPORTS EQUIPMENT FOR THE 13TH ASEAN SCHOOLS GAMES (ASG13) IN 2024